

Pengurusan Enterprise Kecil dan Sederhana



Pengurusan Enterprise Kecil dan Sederhana

Editor: Norasmah Hj. Othman

**PENERBIT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Sintok • 2021**

UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Malaysia.



Tel: 04-9284797
Faks: 04-9284792
E-mel: penerbit@uum.edu.my
Laman sesawang: <http://uumpress.edu.my>
Laman sesawang jualan: <http://uumpress.com.my>

© 2021 UUM Press
Cetakan Pertama 2021

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada UUM Press.

Buku teks merupakan sebuah buku yang dihasilkan daripada bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan khusus untuk pelajar universiti mengikut silibus. Buku teks telah melalui penilaian di peringkat pusat pengajian. Mutu buku teks diperbaiki dari semasa ke semasa berdasarkan maklum balas yang diterima semasa sesi pengajaran diadakan.

**UUM Press ialah anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).**

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PENGURUSAN ENTERPRISE KECIL DAN SEDERHANA/Editor NORASMAH HJ. OTHMAN.

ISBN 978-967-2486-59-6

1. Business enterprises.
 2. Small business.
 3. Government publications--Malaysia.
- I. Norasmah Hj. Othman.
338.7

Kategori: Buku Teks Universiti

Muka taip teks: Cambria

**Editor Naskhah: Asrol Anuar Ramli
Penolong Editor: Mohd Shamaizar Maudin
Pengatur Huruf: Marina Abdol Azis
Perek Bentuk: Zuraizee Zulkifli**

Dicetak di Malaysia oleh UUM Press

BAB 3	IDEA DAN PELUANG	
3.0	PENGENALAN	51
3.1	IDEA DAN PELUANG	51
3.2	KEPEKAAN KEPADA PERSEKITARAN	53
3.3	CIRI-CIRI PELUANG	56
3.4	CIRI-CIRI USAHAWAN DAN PERSEKITARAN PELUANG	57
3.5	PENDEKATAN UNTUK MENGENAL PASTI PELUANG	61
3.6	SUMBER KEPADA PELUANG	65
3.7	MENGENAL PASTI JURANG DALAM PASARAN	66
3.8	PROSES MENGENAL PASTI PELUANG	71
3.9	KESIMPULAN	74
	BIBLIOGRAFI	76
BAB 4	KREATIVITI DAN INOVASI	
4.0	PENGENALAN	77
4.1	KONSEP DAN KEFAHAMAN TERHADAP KREATIVITI DAN INOVASI	79
4.2	EKOSISTEM DAN KITARAN KREATIVITI	80
4.3	BOLEHKAH DAYA KREATIF DIUKUR?	86
4.4	MENGAPA ORANG DEWASA TIDAK KREATIF SEPERTI KANAK-KANAK?	87
4.5	MEMAHAMI ISTILAH INOVASI	90
4.6	KEPENTINGAN KREATIVITI DAN INOVASI DALAM KELESTARIAN EKS DI MALAYSIA	94
4.7	KESIMPULAN	100
	BIBLIOGRAFI	101
BAB 5	PENGURUSAN ORGANISASI ENTERPRISE KECIL DAN SEDERHANA (EKS)	
5.0	PENGENALAN	109
5.1	KONSEP PENGURUSAN	109
5.2	PENGURUSAN DALAM KONTEKS ORGANISASI EKS	110

BAB 4

KREATIVITI DAN INOVASI

*Wan Khairy Wan Ibrahim, Mohd Rafi Yaacob &
Dzulkifli Mukhtar*

4.0 PENGENALAN

Isu kelestarian perniagaan usahawan masih lagi relevan menjadi fokus utama dalam usaha mengangkat peranan kaum bumiputera menjadi usahawan yang berdaya saing (Rafi, Hanifah & Mazlan, 2012). Persoalan bagaimana usahawan lestari menterjemahkan kejayaan mereka dalam industri yang diusahakan menjadi isu penting untuk diteliti. Begitu juga aspek ilmu keusahawanan dan peribadi yang mana usahawan tidak berupaya menguasai dua elemen ini akan dilihat menjadi halangan kepada proses kelestarian (Mohd Fauzi, 1987; Rosli, 2014; Saad, Ghani & Ahmad, 2014). Sememangnya, peribadi dan sikap usahawan dianggap sebagai cabaran untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan (Shukor, 2006), tambahan pula kedua-dua elemen ini penting dalam memberi nilai tambah kepada perusahaan. Penyataan ini telah menarik perhatian Baron, Mueller dan Wolfe (2016), yang menyatakan bahawa seorang usahawan yang lestari dan berdaya saing harus mempunyai kreativiti dan inovasi yang lahir daripada efikasi kendiri yang disesuaikan dengan matlamat mereka dalam perniagaan. Ini menjadikan sikap usahawan dan efikasi kendiri menjadi isu utama yang turut mempengaruhi kelestarian perniagaan.

Antara isu lain yang diketengahkan berkaitan dengan cabaran khusus usahawan yang terlibat dalam perusahaan EKS untuk berjaya dan mencapai kelestarian. Sememangnya, seorang usahawan boleh mencapai kejayaan dan seterusnya membentuk kelestarian perusahaan adalah melalui proses kreativiti dan inovasi yang berterusan. Hal ini hanya dicapai apabila seorang usahawan bersedia dan berjaya mengadaptasikan skil dan kemahiran perniagaan dengan persekitaran atau trend semasa